

MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

Prepared by Mohamed Syazwan Osman



Universiti harus menjadi satu platform pengembangan ilmu yang bukan sahaja bersifat teori, malah harus dikembangkan dalam aspek praktikal nya. Ini sejajar dengan Hasrat kerajaan untuk membudayakan dan menggalakkan penyelidikan yang bersifat rentas bidang (*multi-disciplinary*) yang berimpak.

Mengambil inspirasi di atas dan dasar agromakanan negara yang menekankan peningkatan hasil kecukupan makanan melalui suntikan teknologi, maka Fakulti Kejuruteraan Kimia telah memulakan inisiatif yang diberi nama "Projek Akuaponik Lestari". Projek yang dimulakan oleh pelajar projek tahun akhir dan dibantu ahli persatuan pelajar kejuruteraan kimia (ChESS) yang dibimbing dan diketuai oleh En. Mohamed Syazwan Osman. Konsep projek ini adalah penternakan ikan keli dan sayur organik dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) dengan menekankan konsep teknologi hijau dan kelestarian. Projek ini akan turut disumbang komponen nya oleh semua fakulti yang ada di UiTM CPP ini mengikut kepakaran masing-masing yang diterajui oleh FKK.



Projek bermula secara simbolik dengan perpindahan kolam ikan dari makmal Fakulti Kejuruteraan Awam yang sudi menyumbangkan 2 unit kolam kepada FKK untuk projek ini. Pada 17 Januari 2020, dengan sokongan polis bantuan dan staf FKA dan FKK, projek ini bermula dengan pemindahan kolam. Selanjutnya pelajar telah bekerja keras untuk menyiapkan infrastruktur berkaitan akuaponik ini termasuk persiapan kolam ikan dan kolam makanan ikan (Azolla). Selain itu, tapak semaian pokok-pokok organik dan bumbung kolam juga turut dibina secara gotong royong oleh pelajar.

Insyallah, selepas pandemic COVID-19 ini mula reda, projek ini akan bersambung semula dengan fasa penanaman sayur dan penternakan ikan secara organik. Harapan kami, projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada warga UiTM CPP malah dapat menarik perhatian masyarakat untuk datang belajar tentang model projek ini sebahagian daripada agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang menjadi asas tujuan universiti khususnya UiTM ini wujud.

